

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 19 / 12 / 2007

Kekalkan pekerja mahir tempatan – Abdullah

Oleh FAUZIAH AROF

KUALA LANGAT 18 Dis. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta majikan di negara ini supaya mengekalkan pekerja mahir tempatan agar mereka tidak meninggalkan Malaysia untuk ke negara lain yang menawarkan gaji lebih menarik.

Kata Perdana Menteri, penghijrahan golongan itu ke negara lain akan mengakibatkan negara terpaksa bergantung kepada pekerja asing.

“Saya sedar ada tukang kimpal yang bekerja di Singapura, Jepun dan Timur Tengah kerana mengharapkan pendapatan lebih.

“Oleh itu, kita perlu jaga dan kekalkan pekerja yang mahir ini untuk terus bekerja di negara ini,” katanya ketika merasmikan limbungan kapal NGV Tech Sdn. Bhd. di Kampung Sijangkang di sini hari ini.

Perdana Menteri bersama isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah dalam rangka lawatan dua hari ke ke Selangor bermula semalam.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo; isterinya, Datin Seri Zaharah Kechik dan Pengerusi Eksekutif NGV Tech, Zulkifli Shariff.

Mengambil NGV Tech sebagai contoh, Perdana Menteri memu-

ji langkah syarikat bumiputera itu kerana menggaji pekerja tempatan untuk menggerakkan operasinya.

NGV Tech mempunyai seramai 891 kakitangan, kebanyakannya rakyat tempatan yang mampu membina kapal pelbagai saiz.

“Saya dan kerajaan negeri Selangor mengucapkan tahniah kerana prestasi syarikat ini yang sangat baik dan berharap ia akan terus berkembang,” kata beliau.

Limbungan NGV Tech itu menyediakan perkhidmatan membina kapal pesisir pantai untuk industri petroleum.

NGV Tech memulakan operasinya sejak tahun 1999, di Pulau Duyong, Terengganu dan Lumut, Perak sebelum memperluaskan operasinya di Sijangkang.

Sementara itu, Zulkifli dalam ucapannya berkata, 70 peratus tempahan kapal adalah dari luar negara iaitu negara-negara Asia Barat, India, Eropah, Amerika Latin dan Jepun.

“Nilai kontrak yang telah ditandatangani pada tahun ini adalah RM1.2 bilion. Ini tidak termasuk kontrak-kontrak yang sedang dalam peringkat perbincangan berjumlah RM900 juta,” katanya.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara NGV Tech dengan Universiti Kuala Lumpur serta NGV Tech dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan SME Bank.



ABDULLAH Ahmad Badawi merasmikan limbungan kapal NGV Tech di Sijangkang, Selangor, semalam. Turut kelihatan ialah Zulkifli Shariff (kanan) dan Dr. Mohamad Khir Toyo (dua dari kiri).

— Gambar ASMARUDDIN JAMALUDDIN